



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 14 / 2023

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.036 KUALA TERENGGANU

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada **12 Julai 2023** telah menerima **Laporan Hakim Pilihan Raya** sebagaimana diperuntukkan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954** berkenaan keputusan mahkamah yang **membatalkan pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.036 Kuala Terengganu** pada 19 November 2022 yang lalu.

2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **18 Julai 2023 (Selasa)** dan memutuskan satu **PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.

3. Bagi maksud menjalankan PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	18 Julai 2023 (Selasa)
Hari Penamaan Calon	:	29 Julai 2023 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	8 Ogos 2023 (Selasa)
Hari Mengundi	:	12 Ogos 2023 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **29 Julai 2023 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 11 Ogos 2023 (Jumaat)**.
5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi Parlimen P.036 Kuala Terengganu dibuka semula bermula dari hari ini, **18 Julai 2023 (Selasa)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

BIL	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	26 Julai 2023 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	21 Julai 2023 (Jumaat)

3	1C (Agensi / Organisasi)	21 Julai 2023 (Jumaat)
---	---------------------------------	---

6. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR dan Petugas Media), Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di luar Negara) dan Kategori 1C (Agensi/Organisasi)**, dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

7. **Permohonan undi pos** yang telah diluluskan untuk mengundi pos bagi keempat-empat Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah Parlimen P.036 Kuala Terengganu bagi PRU DUN Ke-15, akan turut diberikan kertas undi pos PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu.

8. Bagi menjalankan proses PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **19 orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan **mengelakkan 4 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang sama

daripada 252 pasukan yang telah ditubuhkan untuk PRU DUN Ke-15 sebagaimana diumumkan sebelum ini.

9. Bagi maksud PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu, **Pusat Penamaan Calon (PPC)** yang digunakan adalah di **Dewan Banquet, Menara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**, iaitu berkongsi premis dengan DUN N.15 Ladang yang melaksanakan PRU DUN Ke-15.
10. Manakala, PPC bagi DUN N.13 Wakaf Mempelam, DUN N.14 Bandar dan DUN N.16 Batu Buruk adalah kekal seperti lokasi yang telah ditetapkan sebelum ini.
11. Bagi **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** Parlimen P.036 Kuala Terengganu dan **keempat-empat DUN di bawahnya** akan menggunakan **Dewan Banquet, Menara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**.
12. Seramai **1,995 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu. Manakala, sebanyak **41 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **217 tempat mengundi/saluran dan tiga (3) pusat mengundi**

awal bagi pengundian yang mengandungi lima (5) tempat mengundi/saluran awal akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **44 buah dengan 222 tempat mengundi/saluran.** PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu memerlukan peruntukan tambahan sebanyak **RM465 ribu** memandangkan sebahagian besar daripada anggaran kos pelaksanaannya telah diambil kira dalam pelaksanaan PRU DUN Ke-15 bagi negeri Terengganu.

13. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu adalah **daftar pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan April Tahun 2023 yang dikemaskini 21 Jun 2023.** DPPR bagi PRK P.036 Kuala Terengganu ini mengandungi seramai **123,575 orang pemilih yang terdiri daripada 122,160 orang pengundi biasa, 35 orang tentera serta pasangan, 1,362 orang polis dan 18 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara.** DPPR bagi PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu akan mula dijual pada **19 Julai 2023 (Rabu).**

14. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi**

dan nombor bilangan mereka melalui portal semakan di pautan <https://mysprsemak.spr.gov.my> atau hubungi **Hotline SPR** di **talian 03-8892 7018/ 7218/ 7124** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan maklumat pengundian telah mula **dibuka pada 17 Julai 2023** kerana semua pengundi yang layak untuk mengundi pada PRU DUN Ke-15 bagi semua DUN dalam P.036 Kuala Terengganu akan juga mengundi bagi PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu.

15. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri seluruh negara sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
16. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon

atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.

17. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
18. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
18 Julai 2023 / 29 Zulhijah 1444H